

SUKMA MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN JUDO
(LELAKI DAN WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan **Persekutuan Judo Antarabangsa (IJF)** dan **Persatuan Judo Malaysia (MJF)** yang kini berkuatkuasa.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi. (Sila lihat risalah "Rules and Regulation of Championship")
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang **Gabungan Persekutuan Judo Antarabangsa (IJF)**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Judo Sukan Malaysia IX 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

09 Sept hingga 11 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Yayasan Sabah
Kota Kinabalu
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM). Dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM, MASUM dan MSSM boleh mendaftar satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan Wanita terdiri daripada:

	<u>LELAKI</u>	<u>WANITA</u>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	7 orang	7 orang
Jumlah	10 orang	8 orang

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir di antara tahun 1981 dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

- 5.3 Hanya peserta yang berdaftar dengan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang mengikut Peraturan AM 6.2 layak menyertai pertandingan ini.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua yuran pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang pemain Kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Semua Pengurus Pasukan dikehendaki menyerahkan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan/Pasport Antarabangsa, atau BAT 'C' 10, atau dokumen Pendaftaran 1/9, atau yang asal untuk disahkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 KELAS BERATAN

Lelaki Tidak melebihi 60 kg
 Tidak Melebihi 66 kg
 Tidak Melebihi 73 kg
 Tidak Melebihi 81 kg
 Tidak Melebihi 90 kg
 Tidak Melebihi 100 kg
 Melebihi 100kg

Wanita Tidak Melebihi 48 kg
 Tidak Melebihi 52 kg
 Tidak Melebihi 57 kg
 Tidak Melebihi 63 kg
 Tidak Melebihi 70 kg
 Tidak Melebihi 78 kg
 Melebihi 78 kg

8.0 PAKAIAN PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian Judo dan lain lain peralatan yang dibenarkan oleh Persekutuan Judo Antarabangsa (IJF) dan Persatuan Judo Malaysia (MJF) semasa memasuki kawasan pertandingan.
- 8.2 Peserta dilarang memakai sebarang alat-alat tambahan seperti kasut,cincin,cermin mata dan sebagainya semasa pertandingan.
- 8.3 untuk maklumat terperinci, sila lihat risalah "Rules and Regulation of Championship".

9.0 TIMBANGAN

- 9.1 Peserta dibenarkan untuk membuat timbang berat badannya secara tidak rasmi (unofficial weigh-in) dalam masa satu(1) jam sahaja.
- 9.2 Semua peserta dikehendaki membuat timbang berat badannya secara rasmi (official weigh-in) dalam masa satu (1) jam atau masa-masa yang ditentukan oleh

Pengurus-pengurus Pasukan (terpulang kepada ramainya peserta-peserta)

- 9.3 Peserta yang lambat datang atau tidak membuat timbang berat badannya dalam masa yang telah ditetapkan akan disingkir (disqualified)
- 9.4 Semasa menjalani timbang badan, setiap peserta lelaki hendaklah memakai seluar pendek dan peserta wanita hendaklah memakai baju T dan seluar panjang (slack).
- 9.5 Mesin timbang badan akan disediakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Judo Sukan Malaysia IX 2002. Timbang badan rasmi dijalankan.
- 9.6 Untuk makluman terperinci, sila lihat risalah "Rules and Regulation of Championship"

10.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1 Jika sekiranya kategori pertandingan mempunyai lima (5) peserta, system kalah-mati (knock out) akan digunakan. Jika kurang dari lima (5) peserta sistemnya ialah 'round robin". Repechage single atau double mungkin digunakan terpulang kepada ramainya peserta atau jika diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- 10.2 Tempoh setiap pusingan adalah lima (5) minit untuk lelaki dan empat (4) minit untuk wanita.

11.0 PENGADIL/HAKIM

- 11.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) Pengadil yang bertauliah bersama dengan pasukannya setelah dipersetujui oleh Persatuan Judo Malaysia.

- 11.2 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Judo Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Malaysia IX 2002.
- 11.3 Pengadil-Pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.
- 11.4 Pengerusi Pengadil-Pengadil/Komisioner mempunyai kuasa untuk :
- a) Memberhentikan pertandingan jika terdapat kekeliruan atau keraguan.
 - b) Memecat pengadil jika terdapat penyelewengan atau terlalu menunjukkan berat sebelah

12.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1 Segala bantahan mengenai pertandingan hendaklah dilaporkan terdahulu kepada pengarah teknikal/pertandingan melalui Pengurus pasukan SAHAJA.

13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 13.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan Prosedur Aturcara Mesyuarat mengenainya adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Judo Malaysia (MJF) dan (IJF) yang terdiri:-
- 13.1.1 Pengarah Pertandingan/Wakil
 - 13.1.2 Delegat Teknikal/Wakil
 - 13.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib itu.
- 13.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

14.0 HADIAH-HADIAH

14.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:-

	EMAS	PERAK	GANGSA
Lelaki			
Tidak Melebihi 60kg	1	1	1
Tidak Melebihi 66kg	1	1	1
Tidak Melebihi 73kg	1	1	1
Tidak Melebihi 81kg	1	1	1
Tidak Melebihi 90kg	1	1	1
Tidak Melebihi 100kg	1	1	1
Melebihi 100kg	1	1	1
	<hr/> 7	<hr/> 7	<hr/> 7

Wanita

Tidak Melebihi 48kg	1	1	1
Tidak Melebihi 52kg	1	1	1
Tidak Melebihi 57kg	1	1	1
Tidak Melebihi 63kg	1	1	1
Tidak Melebihi 70kg	1	1	1
Tidak Melebihi 78kg	1	1	1
Melebihi 78kg	1	1	1
	<hr/> 7	<hr/> 7	<hr/> 7

14.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :
Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002(ii)/Judo/300699/shr